



## PKP: KPDNHEP Melaka periksa 580 premis perniagaan

08/04/2020 11:03 AM

MELAKA, 8 April -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka memeriksa 580 premis perniagaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac hingga Isnin lalu.

Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 527 premis melibatkan sektor peruncitan, pemborong (47 premis) dan pengilang atau peladang (enam premis).

Pihaknya juga menerima 53 aduan rasmi berkaitan isu harga dalam tempoh tersebut dua daripada aduan itu berkaitan dengan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Sebanyak dua notis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 juga dikeluarkan bagi mendapatkan maklumat harga barangan yang diadukan dijual terlalu mahal dan disyaki mengambil keuntungan yang tidak munasabah.

"KPDNHEP Melaka melalui bahagian penguat kuasa akan terus menjalankan aktiviti pemeriksaan di seluruh negeri ini bagi memastikan barang keperluan asas pengguna sentiasa mencukupi semasa dalam tempoh PKP," katanya menerusi kenyataan hari ini.

Norena berkata pihaknya juga memantau harga telur berikutan dakwaan ia akan meningkat disebabkan kenaikan kos makanan ternakan susulan pelaksanaan PKP, memandangkan ia merupakan antara barangan keperluan asas pengguna.

Berdasarkan pemantauan yang dilakukan sehingga 31 Mac lepas, beliau berkata harga telur di Melaka masih terkawal dan tiada masalah bekalan memandangkan pemantauan rapi turut dijalankan oleh Jabatan Veterinar bagi memastikan bekalan di pasaran sentiasa mencukupi.

Beliau berkata bekalan topeng hidung dan mulut di pasaran negeri itu semakin pulih dan ia boleh dibeli di kebanyakan kedai runcit atau farmasi di sekitar Melaka pada harga siling baharu yang ditetapkan kerajaan bermula 1 April 2020.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang pertanyaan lanjut atau aduan boleh menghubungi Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) KPDNHEP Melaka di talian 06-2345869 yang beroperasi setiap hari dari 8 pagi hingga 6 petang atau ECC KPDNHEP Putrajaya di talian 03-88826088 yang beroperasi 24 jam setiap hari.

-- BERNAMA

https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1829719

